

# ASIMILASI DIALEK MELAYU KELANTAN DAN DIALEK THAI KELANTAN DALAM BAHASA CINA PERANAKAN KELANTAN

*Teo Kok Seong*

## **Abstrak**

Makalah ini akan membicarakan struktur bahasa Cina Peranakan Kelantan. Cina Peranakan Kelantan merupakan sebuah komuniti yang memperlihatkan tahap asimilasi yang tinggi terhadap bahasa dan budaya masyarakat Melayu Kelantan dan juga masyarakat Thai Kelantan.

Beberapa aspek struktural menonjol yang merupakan penyerapan daripada Dialek Melayu Kelantan dan Dialek Thai Kelantan, akan dibincangkan dalam kerangka linguistik kontrasitif dari dimensi pertembungan bahasa.

Beberapa ciri menonjol tentang binaan intraklausa dan interklausa akan dihuraikan untuk memperlihatkan struktur bahasa Cina Peranakan Kelantan, yang merupakan satu kes asimilasi linguistik sistem-sistem bahasa Cina-Melayu-Thai.

## **Abstract**

*This article will discuss the structure of the language of the Kelantan Peranakan Chinese. Kelantan Peranakan Chinese is a group that has assimilated extensively in culture and language to Kelantan Malays and also Kelantan Thais.*

*Some salient structural features which are borrowings from Kelantan Malay and Kelantan Thai dialect will be addressed within the framework of contrastive linguistics from the perspective of language contact.*

*Some salient syntactic features of intraclausal and interclausal constructions will be deliberated to exhibit the structure of the language of Kelantan Peranakan Chinese, which is a case of linguistic assimilation of Chinese-Malay-Thai language systems.*

## PENGENALAN

Cina Peranakan Kelantan ialah kelompok minoriti dalam kumpulan etnik Cina Malaysia. Kelompok ini memperlihatkan tahap asimilasi yang tinggi terhadap bahasa dan budaya kumpulan etnik Melayu, dan juga terhadap bahasa dan budaya kumpulan etnik Thai.

Cina Peranakan Melaka yang lebih popular dengan nama Baba-Nyonya dan Cina Peranakan Terengganu merupakan dua kelompok minoriti lain dalam kumpulan etnik Cina Malaysia, yang ikut mempamerkan asimilasi budaya dan linguistik Melayu yang tinggi. Akan tetapi, bahasa dan budaya kedua-dua kelompok ini tidak sekali-kali dipengaruhi oleh warisan dan tradisi Thai.

Cina Peranakan Kelantan seperti Baba-Nyonya Melaka dan Cina Peranakan Terengganu adalah daripada puak Hokkien. Ini berbeza dengan Cina Bukan Peranakan, baik di Kelantan mahupun tempat-tempat lain, yang datang daripada pelbagai puak, termasuk Hokkien, Kantonis, Hakka (Khek), Hailam (Hainan), Teochew dan sebagainya.

Jumlah Cina Peranakan Kelantan tidak diketahui secara tepat. Ini adalah kerana Banci Penduduk Malaysia setiap sepuluh tahun itu tidak meng-kategorikan kumpulan etnik Cina ke dalam golongan-golongan Peranakan dan Bukan Peranakan. Sebaliknya, mereka digolongkan mengikut puak-puak Hokkien, Kantonis, Hakka (Khek), Hailam (Hainan), Teochew dan seumpamanya.

Walau bagaimanapun, jumlah Cina Peranakan Kelantan tidaklah besar. Keshaw (1981:84) menganggarkan jumlahnya adalah pada sekitar 10 000 orang sahaja. Mohamed Yusoff Ismail (1987:243) menganggarkan separuh daripada jumlah pendudukan kumpulan etnik Cina di Kelantan terdiri daripada Cina Peranakan.

Cina Peranakan Kelantan tinggal di 47 buah petempatan di kesemua jajahan di Kelantan (Teo Kok Seong, 2003:52–53). Terdapat sekitar 5–10 buah rumah di setiap penempatan dengan purata lima orang penghuni dalam setiap rumah. Berdasarkan perkiraan kasar begini, jumlah Cina Peranakan Kelantan dianggarkan tidak melebihi 25 000 orang.

## KOMUNITI CINA PERANAKAN KELANTAN

Sejarah penghijrahan, pola penempatan, sejarah interaksi dengan kedua-dua kumpulan etnik Thai dan Melayu serta orientasi kebudayaan Cina Peranakan Kelantan bersifat kompleks sekali. Walau bagaimanapun, perbincangan ringkas tentangnya adalah penting untuk memberikan gam-

baran umum ke arah pemahaman yang lebih jelas tentang kewujudan kelompok minoriti ini.

### **Sejarah Penghijrahan**

Cina Peranakan Kelantan ialah keturunan daripada golongan yang berhijrah dari China ke Kelantan pada suatu tarikh yang agak awal. Golongan ini tidak merupakan sebahagian daripada kumpulan Cina yang datang ke Malaysia pada pertengahan abad ke-19 dan awal abad ke-20, untuk membantu British mengembang serta memantapkan ekonomi mereka di sini. Golongan ini dipercayai datang ke Kelantan dan juga Pattani, Thailand, dalam kumpulan-kumpulan kecil, lama sebelum pertengahan abad ke-19 (Teo Kok Seong, 2003: 32–41).

### **Penempatan**

Cina Peranakan Kelantan lebih dikenali dengan label “Cina Kampung” dalam kalangan masyarakat Kelantan. Sehubungan dengan ini, masyarakat Thai Kelantan menggunakan label “Ciin Bog” yang ikut membawa pengertian “Cina Kampung/Luar Bandar” apabila merujuk kepada Cina Peranakan Kelantan. Label-label ini membawa pengertian bahawa mereka tinggal di kawasan luar bandar.

Hal ini memang benar. Secara tradisional, mereka rata-ratanya tinggal di kampung-kampung kecil, di antara kampung-kampung Melayu, sepanjang Sungai Kelantan, bermula di selatan dari Kampung Joh dalam Daerah Machang sehingga ke utara di Kampung Cina dalam Daerah Kota Bharu. Kebanyakan rumah Cina Peranakan Kelantan yang terdapat di kedua-dua tebing Sungai Kelantan, dibina sejajar di antara satu dengan yang lain dan menghala ke sungai.

### **Sejarah Interaksi dengan Kumpulan Etnik Thai dan Melayu**

Cina Peranakan Kelantan mempunyai sejarah interaksi yang panjang dengan kedua-dua kumpulan etnik Melayu dan Thai, khususnya komuniti Melayu Kelantan luar bandar dan komuniti Thai Kelantan yang juga merupakan fenomena luar bandar. Sejarah pembentukan etnik Cina Peranakan Kelantan bermula dengan perkahwinan campur antara lelaki Cina (dari China) dengan wanita Thai di Kelantan dan Pattani, Thailand, pada penghujung abad ke-18. Perkahwinan antara kaum lelaki Cina ini dengan wanita-wanita Melayu tidak wujud kerana dilarang oleh

masyarakat Melayu Kelantan (Tweedie, 1953:216).

Pada awal abad ke-19, Cina Peranakan Kelantan didapati sudah pun mantap sebagai sebuah komuniti dengan bilangan lelaki Cina yang berkahwin dengan wanita Thai, yang agak ramai di Kelantan. Kehidupan sosial keluarga komuniti Cina ini bersifat Cina-Thai yang dipengaruhi pula oleh budaya Melayu sebagai tradisi dominan (Teo Kok Seong, 2003:27–32).

## **Budaya**

Bahasa, makanan, dan pakaian adalah antara aspek kehidupan Cina Peranakan Kelantan yang dipengaruhi oleh budaya Melayu Kelantan dan juga budaya Thai Kelantan. Asimilasi dengan kedua-dua budaya ini merupakan dasar yang mencorakkan jati diri Cina Peranakan Kelantan.

Sudah menjadi semacam fesyen umum bagi kaum wanita Cina Peranakan Kelantan yang sudah berkahwin serta yang berusia, memakai kain sarung dan baju berlengan pendek. Pakaian begini dalam kalangan kaum wanita Cina Peranakan Kelantan menjadi lambang jati diri yang penting bagi kelompok minoriti ini. Keadaan ini membezakan Cina Peranakan Kelantan daripada kumpulan-kumpulan yang lain.

## **ASIMILASI DIALEK MELAYU KELANTAN DAN DIALEK THAI KELANTAN DALAM BAHASA CINA PERANAKAN KELANTAN**

Bahasa Cina Peranakan Kelantan yang dikenali sebagai “Bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan” yang merupakan bahasa etnik bagi komuniti Cina ini, merupakan bahasa yang banyak dipengaruhi oleh dua bahasa lain, iaitu dialek Melayu Kelantan dan dialek Thai Kelantan. Seperti budaya Cina Peranakan Kelantan, bahasa mereka juga mempamerkan pencampuran tiga elemen linguistik: Cina-Melayu-Thai.

Selain budaya, bentuk bahasa etnik mereka juga merupakan salah satu aspek jati diri yang paling menonjol tentang Cina Peranakan Kelantan. Terdapat sekurang-kurangnya tiga kelainan utama bahasa Cina Peranakan Kelantan, yang secara mudahnya dapat dibezakan (Teo Kok Seong, 1998: 953–956, Teo Kok Seong, 2003:79–100). Ketiga-tiga kelainan ini mempunyai penyebaran geografi yang tersendiri. Kelainan pertama ialah bentuk bahasa yang amat dipengaruhi oleh dialek Melayu Kelantan yang dituturkan, terutamanya di kawasan Peringat.

Kelainan ini mempamerkan penyerapan leksikon bahasa Melayu yang berlebihan, termasuklah leksikon asas. Leksikon yang diserapkan itu, bagi sebilangan besar penutur kelainan ini, ialah satu-satunya leksikon yang diketahui oleh mereka mengenai sesuatu konsep atau item yang dikaitkan dengannya; padanannya dalam bahasa Hokkien sudah tidak diketahui lagi.

(1)

**asa uso** cho lan **ni i lai** **daripado** teng sua  
asal usul nenek kita ini dia datang daripada China  
“Asal usul nenek saya ini, dia datang dari China.”

**i lai nga** tong kang uik **di** sabok  
dia datang dengan perahu naik di Sabak  
“Dia datang dengan tongkang yang berlabuh di Sabak.”

**pah tu i lai dok** di peringat  
lepas itu dia datang duduk di Peringat  
“Selepas itu, dia datang tinggal di Peringat.”

cho lan tu i **namo** lo ku  
nenek kita itu dia nama Lo Ku  
“Nenek saya itu bernama Lo Ku.”

Dalam wacana di atas, dan yang seterusnya (termasuk contoh bentuk bahasa Cina Peranakan Kelantan yang lain), item yang dicetak **tebal** melambangkan bentuk linguistik daripada dialek Melayu Kelantan, item yang bercetak *condong* pula melambangkan bentuk linguistik dari dialek Thai Kelantan, manakala item yang bercetak biasa ialah bentuk linguistik daripada bahasa Cina Hokkien Standard.

Kelainan kedua ialah yang amat dipengaruhi oleh dialek Thai Kelantan. Kelainan ini dituturkan terutamanya di kawasan Wakaf Bharu. Kewujudan kelainan ini dapat dihubungkan dengan faktor dekatnya kawasan Wakaf Bharu dengan kawasan Tumpat yang merupakan kubu masyarakat Thai Kelantan. Penukaran kod antara kelainan ini dengan dialek Thai Kelantan ialah perilaku linguistik yang lazim di kawasan Wakaf Bharu. Bahasa ibunda Cina Peranakan Kelantan di kawasan Wakaf Bharu ini ialah kelainan yang memperlihatkan percampuran dengan dialek Melayu Kelantan ataupun dialek Thai Kelantan.

(2)

wa bo **sebai hajat** *chi pai le* lo kun  
saya tidak sihat hajat hendak pergi jumpa doktor  
“Saya tidak sihat dan berhajat hendak pergi berjumpa doktor.”

*chep tin lai wan leew*  
sakit kaki beberapa hari sudah  
“Sudah beberapa hari, kaki saya sakit.”

*tong tik teng lang reng*  
kena paku belakang rumah  
“Terkena paku di belakang rumah.”

*ttikoh chi pai aw bei puu*  
ketika hendak pergi ambil daun sirih  
“Ketika (saya) hendak pergi mengambil daun sirih.”

Kelainan ketiga ialah yang dipengaruhi secara sederhana oleh kedua-dua dialek Melayu Kelantan dan dialek Thai Kelantan. Kelainan ini dituturkan oleh kebanyakan Cina Peranakan Kelantan dan penyebarannya tidak tertumpu kepada mana-mana kawasan secara khusus, seperti yang berlaku kepada dua kelainan yang terdahulu. Kelainan ini merupakan kelainan standard yang digunakan oleh Cina Peranakan Kelantan semasa berkomunikasi sesama mereka.

(3)

*wa jo siu ha su i bo ing ttikoh wa kio*  
saya sedang fikir mengapa dia tidak sahut ketika saya panggil  
“Saya sedang berfikir mengapa dia tidak menyahut ketika saya memanggil.”

*sekalo i ing sokmo*  
biasa dia sahut selalu  
“Biasanya dia selalu menyahut.”

*khi bimbang jugok*  
naik bimbang juga  
“Saya berasa bimbang juga.”

*kalu kalu selat i bo kabar*  
kalau kalau kalau dia tidak sedar  
“Kalau-kalau dia tidak sedarkan diri.”

### Sifat Linguistik Bahasa Cina Peranakan Kelantan

Dalam memperlihatkan sifat linguistik bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan yang menjalinkan tiga elemen: Cina-Melayu-Thai, persamaan serta perbezaan strukturnya dengan bahasa Hokkien Standard, dialek Melayu Kelantan, dan dialek Thai Kelantan, ditunjukkan serta dibicarakan dalam kerangka linguistik kontrasif dari dimensi pertembungan bahasa.

Singkatan BHS digunakan untuk merujuk kepada bahasa Hokkien Standard, BHCPK untuk bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan, DMK untuk

dialek Melayu Kelantan, dan DTK untuk dialek Thai Kelantan.

Beberapa ciri sintaksis yang menonjol dari segi sintaksis intraklausa dan interklausa akan dibincangkan untuk memperlihatkan percampuran elemen-elemen linguistik Cina-Melayu-Thai pada bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan.

### Sintaksis Intraklausa

Dalam membicarakan binaan intraklausa, susunan dalam frasa-frasa nama, genitif, sendi nama, adverba, relatif, dan transformasi ayat aktif-ayat pasif berserta binaan topikalisasi secara struktural diperlihatkan bagi menunjukkan sifat percampuran elemen linguistik Melayu, khususnya pada bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan.

Susunan frasa nama dalam BHCPK ialah kata nama mendahului kata adjektif. Susunan ini berbeza daripada susunan frasa nama dalam BHS, iaitu kata nama mengikuti kata adjektif. Susunan pada BHCPK ini memperlihatkan persamaan dengan susunan pada DMK dan DTK, yakni kata nama mendahului kata adjektif (Teo Kok Seong, 2004:109–111).

(4)

BHS:	ang chia merah kereta “kereta merah”
BHCPK:	chia ang kereta merah “kereta merah”
DMK:	kereto meroh kereta merah “kereta merah”
DTK:	rod deng kereta merah “kereta merah”

Pada kebanyakan tempat, DTK memperlihatkan susunan yang sama dengan DMK. Walau bagaimanapun, persamaan ini (dan perbezaan di tempat-tempat lain) tidak dibincangkan di sini kerana tidak termasuk dalam skop perbincangan makalah ini.

Susunan frasa genitif/pemilikan dalam BHCPK ialah kata nama mendahului kata ganti nama. Manakala susunan frasa genitif dalam BHS ialah kata nama mengikuti kata ganti nama yang diselitkan dengan penanda

genetif “e”. Susunan begini dalam BHCPK juga memperlihatkan persamaan dengan susunan dalam DMK dan DTK, yang wujud dalam urutan kata nama mendahului kata ganti nama yang berperanan genetif. Penanda genetif “e” dalam BHS tidak wujud dalam BHCPK.

(5)

BHS:	wa e chia saya punya kereta “kereta saya”
BHCPK:	chia wa kereta saya “kereta saya”
DMK:	kereto sayo kereta saya “kereta saya”
DTK:	rod ku kereta saya “kereta saya”

Susunan frasa sendi nama dalam BHCPK ialah sendi nama mendahului kata nama. Susunan ini berbeza daripada susunan frasa sendi nama dalam BHS, iaitu sendi nama mengikuti kata nama. Susunan pada BHCPK ini sekali lagi memperlihatkan persamaan dengan susunan pada DMK dan DTK.

Susunan pada DMK, DTK, dan juga BHCPK memperlihatkan sendi nama berfungsi sebagai preposisi. Manakala susunan pada BHS, sendi nama yang wujud selepas kata nama itu berfungsi bukan sebagai preposisi, tetapi sebagai posposisi.

(6)

BHS	chia e te kereta bawah “bawah kereta”
BHCPK	e te chia bawah kereta “bawah kereta”
DMK	bawoh kereto bawah kereta “bawah kereta”
DTK	tai rod bawah kereta “bawah kereta”



Kedudukan adverba dalam BHS ialah adverba mendahului kata kerja. Susunan ini berbeza sekali dengan yang terdapat dalam BHCPK yang memperlihatkan adverba mengikuti kata kerja. Susunan pada BHCPK ini memperlihatkan persamaan dengan susunan adverba pada DMK dan DTK (Teo Kok Seong, 2003:146–149).

(7)

BHS	ka ti cho sendiri buat “buat sendiri”
BHCPK	cho ka ti buat sendiri “buat sendiri”
BMK	buak sediri buat sendiri “buat sendiri”
BTK	tham eng buat sendiri “buat sendiri”

Pembentukan frasa relatif dalam BHCPK memperlihatkan cara DMK dan DTK. Binaan frasa relatif pada BHS menggunakan kaedah sintaksis yang sama sekali berbeza dengan cara DMK. BHS menggunakan penjodoh bilangan (PB), adverba yang mendahului kata kerja (baik kata kerja bantu atau kata kerja utama), dan partikel genitif “e”.

Binaan frasa relatif pada DMK, DTK, dan juga BHCPK memperlihatkan kewujudan penanda relatif yang nyata dalam bentuk “hok”, “hek”, dan “hong”. Bentuk “hek” pada BHCPK ialah serapan daripada bentuk “hok” dalam BMK. Sering kali juga bentuk “hong” daripada DTK digunakan untuk menggantikan bentuk “hek”.

(8)

BHS	hi keng tiam wa cha hui ai khi e kham liau itu PB kedai saya kelmarin mahu pergi punya sudah tutup “Kedai yang saya hendak pergi kelmarin itu sudah ditutup.”
BHCPK	tiam neng hek wa bek khi cha hui kham doh kedai itu yang saya hendak pergi kelmarin tutup sudah “Kedai yang saya hendak pergi kelmarin itu sudah ditutup”
DMK	keda tu hok amo nok gi kemareng tutup doh kedai itu yang saya hendak pergi kelmarin tutup sudah

“Kedai yang saya hendak pergi kelmarin itu sudah ditutup.”

DTK           rang neng hong ku chi pai lekwa pik leew  
kedai itu yang saya hendak pergi kelmarin tutup sudah  
“Kedai yang saya hendak pergi kelmarin itu sudah ditutup.”

Begitu juga dengan binaan aksif, pasif, dan topikalisasi, BHCPK memperlihatkan persamaan dari segi susunannya dengan DMK dan DTK. BHS sebagai bahasa yang mementingkan topik (*topic-prominent language*) tidak mempunyai binaan pasif (Cheng, 1974:279–324). Ini berlainan dengan bahasa-bahasa yang mementingkan subjek (*subject-prominent languages*), binaan pasif ialah sesuatu yang lumrah (Li & Thompson, 1976:467).

BHCPK mempunyai binaan pasif yang rata-ratanya memperlihatkan pengaruh DMK, yang antaranya dapat dibuktikan daripada penggunaan bentuk “nyo” yang berfungsi sebagai penanda pasif (PP) dan bentuk “ke” yang merupakan sendi nama (SN). BHCKP tidak menggunakan sebarang penjodoh bilangan (PB) yang merupakan elemen linguistik penting lagi wajib dalam kebanyakan binaan sintaksis BHS.

Binaan pasif DTK juga boleh dihubungkan dengan pengaruh DMK. Ini adalah kerana binaan pasif dalam Bahasa Thai Standard (BTS) tidak mempunyai ciri-ciri linguistik yang diperlihatkan oleh DTK. Dalam BTS, binaan pasif ditandai oleh bentuk “thuug”, dan tidak digunakan dengan sewenang-wenang kecuali untuk mengungkapkan peristiwa-peristiwa malang.

(9)

BHS

Aktif           i thiak hi tiu p he  
dia koyak itu PB surat  
“Dia mengoyak surat itu.”

Topikalisasi   hi tiu phe i thiak  
itu PB surat dia koyak  
“Surat itu, dia koyak”

Pasif           Tiada

BHCPK

Aktif           i thiak phe neng  
dia tulis surat itu  
“Dia mengoyak surat itu.”

Topikalisasi   phe neng i thiak

	surat itu dia koyak "Surat itu, dia koyak."
Pasif	phe neng nyo thiak ke i Surat itu PP koyak SN dia "Surat itu dikoyak olehnya."
DMK	
Aktif	dio seyek surak tu dia koyak surat itu "Dia mengoyak surat itu."
Topikalisasi	surak tu dio seyek surat itu dio koyak "Surat itu, dia koyak."
Pasif	surat itu nyo seyek ko dio surat itu PP koyak SN dia "Surat itu dikoyak olehnya."
DTK	
Aktif	man chit nangsi neng dia koyak surat itu "Dia mengoyak surat itu."
Topikalisasi	nangsi neng man chit surat itu dia koyak "Surat itu, dia koyak."
Pasif	nangsi neng nyo chit ke man surat itu PP koyak SN dia "Surat itu dikoyak olehnya."

### Sintaksis Interklausa

Perbincangan tentang sintaksis interklausa ditinjau dari dua segi, iaitu koordinasi dan subordinasi. Kedua-dua aspek ini merupakan cara-cara menghubungkan unit-unit nahu. Koordinasi ialah proses menghubungkan dua atau lebih unit kenahuan, lazimnya daripada jenis yang sama, dengan menggunakan kata hubung koordinat. Subordinasi pula merupakan proses menghubungkan klausa tak bebas dengan klausa lain untuk membentuk ayat yang lengkap, melalui penggunaan kata hubung subordinat.

Kata-kata hubung koordinat BHS seperti "ka" yang bermakna "dan" atau "si" yang bermaksud "atau", atau "put ko" yang bererti "tetapi" jarang-jarang

digunakan, malah tidak digunakan langsung dalam BHCPK. Sebaliknya Cina Peranakan Kelantan menggunakan bentuk-bentuk DMK seperti “nga” (untuk “dan”), “ko” (bagi “atau”) dan “tapi/kek no” (untuk “tetapi”).

Kata hubung koordinat DTK “te wa” yang membawa pengertian ‘tetapi’ juga sering kedengaran dalam BHCPK.

(10)

li bek chiak pui *kong ko* bek chang eik *kong*  
 awak hendak makan nasi dahulu atau hendak mandi dahulu  
 “Awak hendak makan nasi dahulu atau hendak mandi dahulu?”

gina *neng cheng sing jugok tapi malah u* ia  
 budak itu cerdik juga tetapi malas sangat  
 “Budak itu cerdik, tetapi sangat malas.”

i lang ho **kakloh te wa pongoh** tampok  
 dia orang baik agak tetapi garang sedikit  
 “Dia seorang yang agak baik tetapi sedikit garang.”

Seperti dengan kata-kata hubung koordinat BHS, kata-kata subordinat BHS berikut juga jarang-jarang, malah langsung tidak digunakan dalam BHCPK. Antaranya ialah:

(11)

na/na si	yang membawa maksud	tetapi
na bo	yang membawa maksud	kalaupun tidak
an ni	yang membawa maksud	jadi
to	yang membawa maksud	selepas
in ui	yang membawa maksud	sebab
hong chia	yang membawa maksud	selain

Untuk menghubungkan unit-unit bahasa dalam apa-apa jua jenis binaan, BHCPK menggunakan elemen-elemen linguistik subordinat DMK dan/atau DTK. Antara kata subordinat DMK yang digunakan oleh BHCPK ialah:

(12)

kalu/selak	yang membawa maksud	kalaupun
pah	yang membawa maksud	selepas
belong	yang membawa maksud	sebelum
sejok	yang membawa maksud	sejak
ttikoh	yang membawa maksud	ketika
mmasod	yang membawa maksud	semasa

getek/jugok	yang membawa maksud	juga
utok	yang membawa maksud	untuk
pado	yang membawa maksud	pada
mugo	yang membawa maksud	semoga
bakali	yang membawa maksud	barangkali
sebak/bok te	yang membawa maksud	sebab

Kata-kata hubung subordinat DTK yang digunakan oleh BHCPK antaranya ialah:

(13)

tha	yang membawa maksud	kalau
theng	yang membawa maksud	walaupun
kan ni	yang membawa maksud	jadi
wee la	yang membawa maksud	semasa
pang	yang membawa maksud	semasa
mang	yang membawa maksud	juga

Yang berikut ialah contoh penggunaan kata-kata subordinat BHS dalam BHCPK yang digantikan oleh DMK dan DTK:

(14)

BHS

na si i bo lai li tiok chua wa e kia kue lo  
kalau dia tidak datang awak mesti ajak saya punya anak lintas jalan  
"Kalau dia tidak datang, awak mesti membantu anak saya melintasi jalan."

BHCPK

selak i bo lai li tiok chua kia wa kue lo  
kalau dia tidak datang awak mesti ajak anak saya lintas jalan  
"Kalau dia tidak datang, awak mesti membantu anak saya melintasi jalan."

tha i bo lai li tiok chua kia wa kue lo  
kalau dia tidak datang awak mesti ajak anak saya lintas jalan  
"Kalau dia tidak datang, awak mesti membantu anak saya melintasi jalan."

(15)

BHS

wa khi pasak to wa khi khua lo kun  
saya pergi pasar baru saya pergi jumpa doktor

“Selepas pergi ke pasar, baru saya pergi berjumpa doktor.”

BHCPK

wa khi pasak **pah** wa khi khua lo kun  
saya pergi pasar baharu saya pergi jumpa doktor  
“Selepas pergi ke pasar, baru saya pergi berjumpa doktor”

wa khi pasak *leew* wa khi khua lo kun  
saya pergi pasar baharu saya pergi jumpa doktor  
“Selepas pergi ke pasar, baru saya pergi berjumpa doktor.”

(16)

BHS

an ni lan tiok ka ti cho  
macam ini kita mesti sendiri buat  
“Kalau begini, kita mesti melakukannya sendiri”

BHCPK

**lagu ni** lan tiok cho ka ti  
macam ini kita mesti sendiri  
“Kalau begini, kita mesti melakukannya sendiri.”

*kan ni* lan tiok cho ka ti  
macam ini kita mesti sendiri  
“Kalau begini, kita mesti melakukannya sendiri.”

## KESIMPULAN

Sifat campuran Cina-Melayu-Thai pada bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan memperlihatkan asimilasi linguistik telah berlaku, khususnya dari aspek kenahuan. Selain nahunya yang mengambil struktur dialek Melayu Kelantan dan dialek Thai Kelantan, bahasa Cina Peranakan Kelantan ini juga banyak menyerap kata-kata bahasa dialek Melayu Kelantan dan dialek Thai Kelantan. Penyerapan kata-kata ini hanya bersifat peminjaman leksikal semata-mata dan bukan releksifikasi.

Sintaksis intraklausa dan juga interklausa pada bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan yang menyimpang daripada sintaksis kedua-dua kategori itu dalam bahasa Hokkien Standard, dan memperlihatkan persamaan dengan yang wujud dalam dialek Melayu Kelantan dan/atau dialek Thai Kelantan, adalah tidak lain dan tidak bukan kes asimilasi linguistik. Bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan telah mengasimi-

lasikan kedua-dua kategori nahu ini daripada dialek Melayu Kelantan dan dialek Thai Kelantan.

## RUJUKAN

- Cheng, Robert L., "Causative Constructions in Taiwanese" dlm. *Journal of Chinese Linguistics* 2:3, hlm. 279–324, 1974.
- Kershaw, Roger, "Towards a Theory of Peranakan Identity in an Outpost of Thai Buddhism" dlm. *Journal of the Siam Society Vol. 69, Parts 1 & 2*, hlm.74–106, 1981.
- Li, Charles N. & Sandra A. Thompson, "Subject and Topic: A New Typology of Language" dlm. *Subject and Topic*, Charles Li (ed.), New York: Academic Press, hlm. 457–490, 1976.
- Mohamed Yusof Ismail, "Buddhism and Ethnicity: The Case of the Siamese in Kelantan" dlm. *So journ* 2:2 hlm. 231–254, 1987.
- Teo Kok Seong, "Pembinaan Bangsa Malaysia: Sumbangan Masyarakat Cina Peranakan Kelantan" dlm. *Sejarah dan Proses Pemantapan Negara Bangsa, Prosiding Kongres Sejarah Malaysia Kedua, Jilid III*, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, Mohd bin Samsudin, dan Kamaruzaman Yusoff (ed.), Persatuan Sejarah Malaysia, hlm. 943–983, 1998.
- Teo Kok Seong, 2003. *The Peranakan Chinese of Kelantan: A Study of the Culture, Language and Communication of an Assimilated Group in Malaysia*. London: ASEAN Academic Press.
- Teo Kok Seong, "Malay Images in the Language and Culture of Malaysia's Peranakan Chinese: With Special Reference to Kelantan Peranakan Chinese" dlm. *Journal of Malay Civilisation Issue 2*, hlm, 96–113, 2004.
- Tweedie, M. F., "An Early Chinese Account of Kelantan" dlm. *Journal of the Malayan (Malaysian) Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. XXVI, Part 1*, hlm. 216–219, 1953.